

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
KAWASAN : AMPANG
TARIKH : 17 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak IKRAM dan JKR melakukan kajian terhadap kawasan cerun di Ampang dan apakah hasil kajian tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cawangan Kejuruteraan Cerun, Ibu Pejabat JKR pada tahun 2008 telah melantik pihak juru perunding bagi menjalankan kajian pemetaan cerun (*hazard mapping*) di kawasan Ulu Klang, termasuk di sebahagian besar bandar Kuala Lumpur.

Kajian tersebut telah dilaksanakan oleh juruperunding yang diketuai oleh Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. dengan kos sebanyak RM5.3 juta dan telah siap pada bulan Januari 2009. Tumpuan lokasi kajian tersebut melibatkan kawasan seluas 100km persegi, iaitu dari utara Taman Melawati ke Cheras Baru. Ia dilaksanakan menggunakan konsep pemetaan cerun-cerun bahaya secara *area based*. Laporan kajian berkenaan antara lain telah mengenal pasti dan memetakan sebanyak 405 cerun tanah, 82 cerun batu dan 77 struktur geoteknikal di kawasan Ulu Klang dan sebahagian kawasan di Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 216 cerun memerlukan tindakan pembaikan dan pengukuhan cerun yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri menerusi pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan kajian IKRAM itu telah diserahkan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang terlibat pada tahun 2009 sebagai rujukan dan tindakan bagi perancangan dan kawalan pembangunan cerun di kawasan lokaliti masing-masing.

Sekian, terima kasih.